



DR MAHATHIR memerhatikan Dr Siti Hasmah mengacau masakan dalam periuk tanah sebagai tanda perasmian Maju Avenue, semalam. - Gambar oleh Surianie Mohd Hanif

Peniaga Melayu tidak mampu buka restoran

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata monopoli oleh satu kaum dalam apa saja bidang perniagaan adalah sesuatu yang tidak baik dalam negara berbilang bangsa seperti Malaysia.

Merujuk kepada kurangnya atau tiada langsung peniaga Melayu di kawasan pembangunan baru, Dr Mahathir berkata, keadaan itu bukan saja tidak mencerminkan komposisi kaum sebenar negara, malah menyukarkan usaha kerajaan memantapkan perpaduan kaum.

"Kita ingin melihat semua kaum maju bersama. Kita mahu semua kaum terbabit dalam semua bidang perniagaan. Kita tidak mahu satu saja kaum memonopoli bidang tertentu," katanya berucap merasmikan Maju Avenue di Citrus Park, Jalan Hang Lama, di sini malam tadi.

Hadir sama, isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta pengasas dan

pemilik rangkaian Maju Curry House, Shajahan Mohd Dahar.

Maju Avenue adalah cawangan restoran ke-15 rangkaian Maju Curry House yang diasaskan Shajahan pada 1984 bermula dengan warung di Taman Setapak Jaya sebelum memajukannya menjadi Restoran Maju di Bandar Baru Wangsa Maju enam tahun kemudian.

Dr Mahathir berkata, beliau sendiri tidak tahu punca pengusaha Melayu tidak mampu membuka restoran di kawasan pembangunan baru walaupun permintaannya ada.

Sehubungan itu, beliau berharap pengusaha Melayu berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan perniagaan masing-masing.

"Di Malaysia semua kaum ada restoran tetapi kita lihat tak ada banyak restoran Melayu. Kebanyakan mereka berniaga di tepi jalan saja. Walaupun masakan sedap mereka tidak mampu untuk meningkatkan perniagaan ke

peringkat restoran. Saya tidak tahu kenapa," katanya.

Merujuk cadangan Shajahan membuka Akademi Restoran Maju serta program francisnya, Dr Mahathir berharap usaha itu turut dapat membantu pengusaha Melayu meningkatkan pembabitan dalam perniagaan restoran.

"Ramai yang tidak tahu berniaga tetapi dengan adanya sistem francis, ia akan memberi peluang kepada ramai peniaga," katanya.

Dr Mahathir juga berharap pengusaha restoran di Malaysia meningkatkan mutu perkhidmatan setanding restoran antarabangsa.

Katanya, walaupun Malaysia sudah maju tetapi cara hidup rakyat tidak sejajar dengan kemajuan yang dicapai negara.

"Saya harap pengusaha restoran dapat meningkatkan restoran mereka ke tahap tinggi seperti Bombay Palace di London," katanya.